

“Adakah Kita Sudah Bersedia?”: Analisis Pengetahuan Guru Pendidikan Sivik Di Malaysia

Are We Ready?: Analysis Of Civic Education Teacher Knowledge In Malaysia

Azni Yati Kamaruddin¹, Che Aleha Ladin², Abd Razak Zakaria³, Vishalache Balakrishnan⁴

^{1,2,3,4} Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia;

Article progress

Accepted: 5 March 2021

Reviewed: 27 May 2021

Published: 30 November 2021

*Corresponding author:

Azni Yati Kamaruddin,
Universiti Malaya, Kuala
Lumpur, Malaysia;
Email: azniyati@um.edu.my

Abstrak: Pendidikan Sivik ialah mata pelajaran yang kurang popular walaupun fungsinya dilihat amat penting sekali bagi memanusiakan setiap warganegara melalui kurikulum pendidikan yang digubal di setiap negara di dunia ini. Begitu juga dalam konteks pendidikan di Malaysia, mata pelajaran Pendidikan Sivik ini telah diperkenalkan semula dalam Kurikulum Pendidikan Malaysia pada bulan Jun 2019 dengan memberi tumpuan kepada empat nilai, iaitu cinta, rasa hormat, tanggungjawab dan kebahagiaan. Sepanjang pelibatan Pendidikan Sivik dalam Kurikulum Pendidikan Malaysia lebih dari 50 tahun, pelbagai nama diberikan kepada mata pelajaran ini dengan tujuan utamanya adalah untuk melahirkan rakyat Malaysia yang mengetahui hak mereka, bertanggungjawab dan mempunyai watak yang baik serta dapat menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat, negara dan global yang melibatkan pengetahuan sivik, sikap sivik dan tingkah laku sivik. Dalam mencapai objektif Pendidikan Sivik ini, sikap serta pelibatan guru Pendidikan Sivik menjadi kunci kepada kejayaan matlamat pelaksanaan mata pelajaran ini. Oleh yang demikian, kajian ini dilakukan untuk mengkaji sikap guru Pendidikan Sivik di Malaysia. Pengumpulan data kajian ini diperoleh menerusi borang soal selidik secara dalam talian yang diberikan kepada guru Pendidikan Sivik di sekolah dan juga pegawai pendidikan. Analisis data mendapati lebih daripada 80% guru menunjukkan sikap serta pelibatan yang positif dalam mata pelajaran Pendidikan Sivik di Malaysia. Perbincangan dalam kajian ini menunjukkan terdapatnya beberapa cara yang berpotensi dalam usaha menjadikan mata pelajaran ini untuk lebih diterima sama pentingnya dengan mata pelajaran yang lain terutamanya pada era kini dan pasca wabak ini. Dengan mengenal pasti tahap pengetahuan, sikap serta tingkah laku guru dalam kajian ini secara tidak langsungnya akan dapat mempertingkatkan lagi kesungguhan guru ke arah mencapai objektif pelaksanaan mata pelajaran ini bagi menjamin kelestarian mata pelajaran ini dalam kurikulum sekolah di Malaysia.

Kata kunci: Pendidikan Sivik, sikap, pengetahuan , guru

Abstract: Civic education is a less popular subject although it is important to humanize citizens in the education curriculum globally and also in Malaysia. Civic Education was re-introduced in the Malaysian Education Curriculum in June 2019 with a focus on four values, namely love, respect, responsibility, and happiness. Throughout the involvement of Civic Education in the Malaysian Education Curriculum for more than 50 years, various names were given with the main purpose of this subject is to produce Malaysians who know their rights, responsible and have a good character and can contribute to the well-being of society, country and global knowledge civics, civic attitudes and civic behavior. In achieving the objectives of this civic education, the attitude and involvement of Civic Education teachers is the key to the success of this subject. This study was conducted to study the attitudes of teachers on Civic Education in Malaysia. The achievement will be explained through a questionnaire given to school Civics Education teachers as well as education officers. The findings found that more than 80% of teachers showed a positive attitude and involvement in Civic Education in Malaysia. The results

may indicate some potential ways to make Civic Education accepted as important as others, especially in the current and post-epidemic era. By identifying the knowledge, attitudes and behaviors of teachers can further enhance the seriousness of teachers in achieving the objectives of this subject which can ensure the sustainability of this subject in the school curriculum in Malaysia.

Keywords: Civic education, attitudes, knowledge, teachers

Pengenalan

Pendidikan Sivik (PS) membawa maksud ilmu berkaitan tataarayat serta kaedah dan cara dalam menggerakkan seseorang warganegara itu supaya bertanggungjawab terhadap masyarakat dan negara (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Mata pelajaran ini penting sebagai sebahagian daripada usaha untuk membentuk generasi Malaysia yang mempunyai semangat patriotisme, mengetahui hak dan tanggungjawab sebagai warganegara serta memiliki akhlak mulia dan keperibadian tinggi dalam pelbagai konteks termasuk diri, keluarga, sekolah, masyarakat dan negara. Pelaksanaan mata pelajaran Pendidikan Sivik ini melibatkan semua peringkat persekolahan iaitu prasekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM, 2019).

Dari sudut pandangan lain, mata pelajaran PS ini bertujuan supaya setiap warganegara dalam sebuah negara yang demokratik dapat melibatkan diri secara aktif dalam pentadbiran negara. Clay, K. L., & Rubin, B. C. (2020) memberi definisi PS sebagai pengetahuan dan keterampilan yang patut dimiliki oleh seseorang sebagai anggota masyarakat dan warganegara untuk melibatkan diri secara aktif dan berkesan dalam proses politik serta pengubahan dasar pemerintahan dan pentadbiran yang akan mempengaruhi kehidupannya.

Mata pelajaran yang dilihat seperti sering keluar masuk kurikulum sekolah di Malaysia dengan pelbagai nama ini, telah melalui suatu fasa baharu apabila sekali lagi diperkenalkan semula pada bulan Jun 2019. Kemasukan PS kali ini agak berbeza memandangkan pelaksanaan PS pada kali ini diajar menerusi lima mata pelajaran utama iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sejarah, Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Dengan memfokuskan hanya empat nilai utama iaitu, kasih sayang, hormat menghormati, kegembiraan dan tanggungjawab, PS 2019 hanya diajar sebulan sekali melalui mata pelajaran tersebut sahaja. Selain daripada itu, PS 2019 juga mempunyai dua komponen utama yang perlu dilaksanakan di peringkat sekolah iaitu literasi sivik dan amali sivik (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019).

Dengan pengenalan Pendidikan Sivik semula dalam kurikulum sekolah, guru serta pentadbir di setiap sekolah perlulah menyiapkan diri untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (p&p) PS melalui pengintegrasian ke dalam mata pelajaran yang lain. Namun begitu, Pendidikan Sivik yang baru dijenamakan semula tidaklah begitu mudah untuk diajar. Setiap guru yang mengajarkan mata pelajaran berkaitan perlulah lebih cakna untuk membuat perancangan mata pelajaran yang terlibat dengan memasukkan elemen seperti nilai dan topik Pendidikan Sivik bagi membina sebuah waktu yang memfokuskan kepada peningkatan pengetahuan murid dan pembangunan sikap secara menyeluruh. Semua guru yang dipertanggungjawabkan dilihat menghadapi cabaran yang sama untuk menyelesaikan kandungan mata pelajaran dengan cara yang paling efektif dan menarik sepanjang sesi p&p. Memandangkan guru merupakan tunggang utama dalam perlaksanaan ini, kajian ini dilaksanakan dengan bertujuan bagi mengenal pasti sikap serta perlaksanaan PS dalam kalangan guru di sekolah.

Walaupun menyedari pentingnya PS di dalam kurikulum sekolah, mata pelajaran ini masih dianggap oleh guru sebagai mata pelajaran yang kurang penting, dan dengan itu dianggap tidak popular untuk diajar (Azni Yati Kamaruddin, 2016). Perkara ini mungkin berpunca daripada tanggapan dan fakta bahawa PS tidak dinilai di peringkat peperiksaan umum, yang seterusnya menyebabkan PS tidak mempunyai nilai daripada aspek kepentingan mata pelajaran utama di sekolah. Perkara ini sangat relevan dalam kurikulum dan budaya pendidikan Malaysia yang sudah diuji (Lee & Leung, 2016). Di beberapa sekolah, terutamanya untuk kelas "tahun peperiksaan" (contohnya Tingkatan Tiga dan Tingkatan Lima), PS dianggap sebagai mata pelajaran 'pengisi' dan sampingan sahaja, malah para guru yang bertanggungjawab menyampaikannya juga sering menjadi guru ganti (Azni Yati Kamaruddin, 2016).

Sorotan kajian literatur

Salah satu faktor terpenting yang menyumbang kepada kejayaan pengajaran mata pelajaran adalah sikap guru (Tripp & Sherrill, 2011), kerana sikap dipercayai

memainkan peranan penting dalam menerangkan tindakan guru (Folsom-Meek & Rizzo, 2002). Telah dibahaskan bahawa fokus pada peranan yang dimainkan oleh kepercayaan dalam membentuk sikap guru membantu mewujudkan sikap yang lebih positif, yang seterusnya menghasilkan kejayaan penyediaan pengajaran dan persekitaran pembelajaran di bilik darjah (Morley, Bailey, Tan & Cooke, 2005; Smith, 2004; Vickerman, 2004).

Meegan dan MacPhail (2006), Kennedy (2008), dan Smith dan Croom (2020) semuanya melihat sikap dalam pengajaran adalah seperti yang dihasilkan dari gabungan kepercayaan, perasaan dan tingkah laku ini sering disebut secara teknikal sebagai unsur afektif dan kognitif. Mengulas mengenai sikap, Ajzen (2012, 2018) menganggap perkara ini merangkumi tindak balas afektif dan penilaian individu terhadap sesuatu serta seiring juga dengan penjelasan sebelumnya iaitu kepercayaan adalah unsur kognitif dan sering mencerminkan pengetahuan atau maklumat yang dimiliki oleh setiap individu mengenai mereka.

Terdapat sejumlah kajian penting dan laporan yang memberi tumpuan kepada guru Pendidikan Sivik dan tingkah laku dalam p&p mereka. Walaupun terdapat sejumlah besar literatur mengenai PS serta pelaksanaannya dalam kurikulum di sekolah, kajian berkaitan pengajaran mata pelajaran ini di Malaysia adalah masih terhad (Azni Yati Kamaruddin, 2016).

Kajian kuantitatif terhadap 314 murid sekolah rendah dan menengah dan 111 guru PS dari Kota Rijeka, Kroasia, (Piršl, Marušić-Štimac, Pokrajac-Buljan, & Ivić, 2010) melaporkan bahawa guru yang lebih banyak pengalaman mengajar didapati lebih suka mata pelajaran ini diajar sebagai sebahagian daripada aktiviti kokurikulum dan bukan sebagai mata pelajaran formal. Keprihatinan mereka ialah mengajar mata pelajaran tambahan akan terlalu membebankan pelajar, memandangkan ada mata pelajaran yang lebih penting seperti matematik, bahasa, sains dan geografi untuk dipelajari oleh murid. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak mempunyai bukti mengenai sikap mengajar guru yang lebih muda, serta gagal membandingkan kedua-dua persepsi terhadap pengajaran seperti melihat peranan PS dari perspektif guru yang lebih muda serta guru pelatih.

Menurut Breslin et al. (2006), dalam laporan mereka berdasarkan Penyelidikan Asas Pendidikan Kebangsaan atau *National Foundation for Education Research* (NFER), mendapati sikap guru terhadap PS di Amerika adalah berbeza-beza mengikut profesi. Sebilangan guru mengalu-alukan mata pelajaran itu, memandangkan mereka berpendapat bahawa PS adalah penting dalam kurikulum dan sangat berharga bagi para murid. Walau bagaimanapun, ada juga sikap guru yang tidak cukup yakin untuk mengajar mata pelajaran ini. Laporan itu mendedahkan bahawa pelaksanaan PS

menjadi tidak begitu penting ketika situasi atau keadaan di sekolah menjadi agak sibuk yang seterusnya menyebabkan guru yang bukan pakar dalam PS diminta untuk mengajar mata pelajaran ini, walaupun kebanyakan guru tersebut tidak yakin untuk mengajar dan tidak mempunyai pengetahuan yang mencukupi. Laporan itu mungkin lebih berguna sekiranya pengarangnya telah memasukkan sebab-sebab guru ganti tersebut berasa kurang yakin dalam p&p PS tersebut.

Kajian Leighton (2004) terhadap guru PS di England melaporkan bahawa sikap guru terhadap PS dan pengajaran berbeza di antara guru. Guru Sains Sosial yang berpengalaman menyatakan lebih banyak sokongan untuk pelaksanaan mata pelajaran ini dan berasa sangat yakin mengajar mata pelajaran tersebut. Namun, guru yang kurang berpengalaman melihat PS sebagai ancaman kerana tidak berasa yakin untuk mengajar mata pelajaran baru tanpa latihan atau tanpa pengalaman dalam mata pelajaran ini. Sekali lagi, kajian ini tidak membuat usaha untuk mengemukakan sebab perbezaan yang wujud antara pandangan guru yang berpengalaman dan tidak berpengalaman mengenai PS.

Bagi Harber dan Serf (2006) dalam kajian mereka terhadap guru pelatih di Afrika Selatan mendapati bahawa pelatih-pelatih ini tidak mempunyai keyakinan untuk mengajar PS walaupun mereka dilatih dalam bidang tersebut. Sebab utama diberikan untuk kekurangan ini adalah kerana mereka kurang berkeyakinan selain pensyarah tidak memberikan teladan yang baik kepada pelatih. Namun kajian ini mungkin lebih menarik sekiranya penyelidik memasukkan lebih banyak penghuraian berkaitan yang sebenarnya diperlukan oleh guru-guru ini untuk berasa yakin dalam melaksanakan p&p PS. Dengan meneroka keperluan guru, maklumat yang penting mengenai intervensi serta teknik pengajaran yang lebih efektif mungkin dapat dicapai.

Satu kajian kualitatif telah dijalankan oleh Lo (2009) mengenai pelaksanaan Pendidikan Sivik dan Moral di sekolah rendah di negara Singapura telah melaporkan bahawa guru yang ditemui ramah mengakui bahawa mereka kurang pengetahuan dari segi mengajar mata pelajaran tersebut di sekolah. Namun, mereka menunjukkan keprihatinan yang tinggi berkaitan dengan pelaksanaan mata pelajaran itu di sekolah. Kebimbangan itu tertumpu pada kenyataan yang mereka rasakan mereka harus bersaing dengan mata pelajaran sains sosial yang lain seperti Pengajian Am dan Pendidikan Perkembangan Diri. Tidak seperti Pendidikan Sivik dan Moral, kedua-dua mata pelajaran ini ialah mata pelajaran yang mempunyai peperiksaan umum dalam kurikulum dan oleh sebab itu pentadbiran sekolah lebih menumpukan kepada mata pelajaran Pengajian Am dan Pendidikan Perkembangan Diri berbanding dengan Pendidikan Sivik dan Moral. Oleh sebab itu, guru Pendidikan Sivik dan Moral terpaksa menggunakan inisiatif mereka untuk

mencari masa tambahan untuk melaksanakan p&p mata pelajaran ini.

Kajian dalam negara yang dijalankan oleh Azni Yati Kamaruddin (2016) mendapati guru-guru Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan mempunyai keinginan yang tinggi untuk mengajar mata pelajaran tersebut sekiranya sokongan serta pemudah cara bagi pelaksanaan p&p mata pelajaran ini diberikan kepada mereka. Melalui dapatan kajian tersebut juga, sikap guru yang mengajar mata pelajaran tersebut adalah bergantung kepada pengalaman mereka dalam mengajar mata pelajaran sains sosial yang lain.

Metodologi

Kajian bahagian pertama dari tiga bahagian untuk penyelidikan ini ialah berbentuk pendekatan kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Reka bentuk kajian kuantitatif melalui soal selidik memberi peluang kepada penyelidik untuk mentadbir soal selidik untuk diajukan kepada sampel kajian bagi menghuraikan sikap dan pelibatan sampel dalam perkara yang dikaji (Creswell, 2014).

Kajian ini dilakukan di sebuah negeri di Malaysia dengan guru-guru yang mengajar PS menjadi sasaran responden untuk kajian ini yang dijalankan secara dalam talian. Soal selidik ini dirancang dengan teliti bagi menghasilkan item mengenai sikap, pelibatan guru serta aktiviti PS yang dilaksanakan di sekolah. Item berkenaan pengalaman (bilangan tahun telah menjadi guru) juga dimasukkan bagi mengkaji sekiranya terdapat perkaitan dan pertautan antara aspek perbandingan sikap dan pengalaman mengajar responden yang terlibat.

Item-item itu dirancang secara berulang dalam jangka masa 2 bulan dan melibatkan 2 kitaran penyemakan dan penambahbaikan semasa perbincangan antara penyelidik. Penggunaan soal selidik dalam talian adalah lebih bertepatan pada situasi pandemik Covid-19 pada masa kini.

Kajian ini mula diaktifkan secara dalam talian mulai September 2020 hingga Oktober 2020. Jemputan untuk mengambil bahagian dalam kajian ini bersama dengan pautan laman web yang disertakan telah diemailkan kepada guru PS. Jumlah keseluruhan data mentah yang diperoleh ialah sebanyak 252 responden seterusnya dianalisis menggunakan teknik deskriptif pada bahagian pertama ini.

Dapatan

- a. Dapatan profil berkaitan dengan pengalaman mengajar daripada jumlah keseluruhan 252 orang responden adalah seperti berikut:
 - i. 1-5 tahun : 21%

- | | | |
|------|------------------|--------|
| ii. | 5-10 tahun | : 67% |
| iii. | 11-15 tahun | : 3.5% |
| iv. | 15 tahun ke atas | : 8.5% |
- b. Sikap guru terhadap pelibatan dalam kejayaan sekolah adalah seperti yang berikut.
 - i. 85% guru memberi cadangan dalam pembangunan sekolah
 - ii. 98% guru menyokong pentadbiran yang adil di sekolah
 - iii. 93% guru mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti pembangunan di sekolah
 - iv. 98% guru menggalakkan murid mengambil bahagian dengan aktif dalam aktiviti sekolah
 - v. 65% guru bersedia menjadi ahli Persatuan Ibubapa dan Guru (PIBG)
 - c. Sikap guru sebagai warga sekolah adalah seperti yang berikut.
 - i. 91% guru berbangga dengan sekolah mereka
 - ii. 93% guru merasakan mereka adalah komuniti sekolah
 - iii. 92% guru bekerja dengan penuh semangat di sekolah
 - iv. 91% guru mempunyai sikap positif terhadap sekolah
 - d. Menggalakkan aktiviti dalam kalangan murid adalah seperti berikut.
 - i. 80% guru menggalakkan aktiviti berkaitan alam sekitar
 - ii. 75% guru menggalakkan aktiviti berkaitan hak asasi manusia
 - iii. 82% guru menggalakkan aktiviti bersama golongan kurang berkemampuan
 - iv. 85% guru menggalakkan aktiviti kebudayaan
 - v. 72% guru menggalakkan kampen kebersihan di tempat awam
 - e. Amalan aktiviti sivil di sekolah adalah seperti yang berikut.
 - i. 90% guru menggalakkan amalan pengumpulan sampah di sekolah
 - ii. 65% guru menggalakkan pengumpulan sisa bahan buangan
 - iii. 57% guru menggalakkan pembelian bahan mesra alam
 - iv. 85% guru menggalakkan amalan penjimatatan tenaga

- v. 84% guru menggalakan tingkah laku mesra dalam kalangan murid
- f. Dapatan kajian mendapati keutamaan PS di sekolah adalah seperti berikut.
 - i. PS bertujuan untuk menggalakan rasa hormat dan menjaga alam sekitar
 - ii. PS dilaksanakan bagi mempromosi pengetahuan serta hak warganegara
 - iii. Mempromosi pengetahuan mengenai institusi sosial.

Perbincangan

Dapatan kajian, mendapati sebanyak 67% guru mempunyai pengalaman mengajar antara 5 hingga 10 tahun. Ini menunjukkan bahawa guru-guru yang mengajar mata pelajaran PS mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang masing-masing. Justeru, adalah tidak menjadi masalah yang besar sekiranya mereka mengajar PS dengan hanya kekerapan sekali dalam sebulan melalui mata pelajaran utama mereka. Selain itu, tidak sepaututnya juga mereka mengabaikan mata pelajaran PS kerana Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengedarkan contoh dan manual pelaksanaan P&P PS di setiap peringkat persekolahan yang merangkumi prasekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Ini bertepatan dengan hasil kajian Azni Yati Kamaruddin (2016) dan Lo (2009) bahawa guru PS yang tiada kursus atau kelulusan akademik atau ikhtisas berkaitan mata pelajaran ini sebenarnya berkemampuan untuk mengajar PS dengan baik sekiranya terdapat bantuan untuk mempermudahkan sesi p&p mereka.

Dapatan bagi soalan pertama iaitu yang berkaitan dengan sikap guru dalam pelibatan mereka dalam pembangunan sekolah menunjukkan sikap yang positif dalam hampir semua aspek pembangunan sekolah. Dapatan ini agak berbeza dengan dapat kajian Haniza Mahmmod (2014) yang mengatakan guru kurang yakin dengan pengajaran PS di Malaysia. Namun begitu dalam pelibatan sebagai ahli jawatankuasa Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG) adalah agak rendah berbanding aspek pembangunan sekolah yang lain. Perkara ini mungkin adalah kerana beberapa faktor yang akan dikenal pasti pada bahagian kedua penyelidikan ini.

Seterusnya, bagi soalan kedua pula, sikap guru sebagai warga sekolah adalah amat positif iaitu hampir keseluruhan guru merasakan bahawa mereka mempunyai perasaan bangga, menjadi sebahagian ahli komuniti sekolah, bekerja dengan penuh semangat dan sangat positif terhadap sekolah. Dapatan ini, menunjukkan bahawa guru PS sudah bersedia untuk meneruskan p&p PS di sekolah.

Bagi soalan ketiga iaitu yang melibatkan penggalakan aktiviti sivik dalam kalangan murid seperti aktiviti alam sekitar, hak asasi manusia, bersama golongan kurang berkemampuan, kebudayaan dan kempen kebersihan adalah amat tinggi. Ini menunjukkan bahawa guru PS di Malaysia adalah tidak seperti guru mata pelajaran ini di Amerika Syarikat seperti yang telah dilaporkan oleh Breslin et.al (2006).

Dalam soalan keempat pula, pembelian barang yang mesra kepada alam sekitar didapati agak kurang mendapat sambutan dalam kalangan guru berbanding dengan aktiviti lain seperti pengumpulan sampah serta sisa, penjimatan tenaga dan kempen kebersihan. Kemungkinan perkara ini berlaku disebabkan oleh kurangnya aktiviti yang berkaitan penggunaan semula bahan alam sekitar di sekolah tersebut. Justeru, adalah digalakkan bagi sekolah dan guru-guru terutamanya guru PS untuk memulakan dan meningkatkan aktiviti tersebut untuk dibudayakan.

Akhir sekali, pemilihan utama maksud PS menunjukkan guru-guru mata pelajaran ini memahami serta telah sedia maklum mengenai objektif dan matlamat pendidikan ini seperti yang digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2019). Tahap pemahaman ini juga memberi maksud bahawa guru-guru ini sedar mengenai lonjakan ketiga dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 iaitu yang membincangkan mengenai kepentingan mata pelajaran ini.

Kesimpulan

Kesimpulan daripada bahagian pertama kajian ini adalah, guru Pendidikan Sivik yang terdiri daripada guru mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sejarah, Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral mempunyai kesediaan dalam mengajar Pendidikan Sivik. Namun begitu, bagi memantapkan lagi pengajaran dan pembelajaran ini, kursus serta pendedahan terhadap kaedah serta strategi yang kontemporari perlu diberikan terutamanya selepas kesan daripada pandemik Covid-19 yang melanda dunia sekarang. Kepentingan PS dari segi pengetahuan, sikap dan amalan adalah sangat penting dalam kalangan guru sekolah. Krisis global akibat penularan pandemik COVID-19 bukan sahaja menyebabkan p&p secara konvensional tertangguh, bahkan menjadikan tugas guru menjadi semakin mencabar apabila mereka perlu menyesuaikan diri dengan norma kehidupan dan kebiasaan baharu yang memerlukan proses p&p dilaksanakan secara dalam talian.

Dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) juga, guru-guru Pendidikan Sivik tetap meneruskan proses p&p menerusi konsep Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) secara dalam talian. Meskipun wujud kekangan dalam pendidikan dalam

talian seperti masalah capaian internet, ketiadaan peranti digital pintar serta sikap murid sendiri, guru sebaliknya perlu memikirkan cara dan inisiatif lain untuk memastikan penyampaian ilmu itu tetap diteruskan. Memandangkan pentingnya mata pelajaran ini, setiap guru Pendidikan Sivik perlulah memastikan nilai sivik murid semasa belajar tetap dijaga walaupun proses p&p yang dilaksanakan kini telah berubah secara talian.

Perakuan

Kajian ini mendapat peruntukan geran dari Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.

Rujukan

- Ajzen, I. (2012). *The theory of planned behavior*. In P. A. M. Lange, A. W. Kruglanski & E. T. Higgins (Eds.), *Handbook of theories of social psychology* (Vol. 1, pp. 438-459). London, UK: Sage
- Ajzen, I., & Schmidt, P. (2020). *Changing behaviour using the theory of planned behavior* (pp. 17-31). Cambridge University Press: New York, NY, USA.
- Anderson, R. (2008). *Civics and Citizenship Education: Why Is Civics and Citizenship Education Unpopular among Teachers?*. Ethos, (Term 2 2008).
- Azni Yati Kamaruddin. (2016). *The intention to continue teaching Civics and Citizenship Education (CCE) among CCE teachers in Malaysia* (Thesis Dissertation). La Trobe University, Melbourne.
- Bajunid, I. A. (2008). *The development of educational leaders in Malaysia: The creation of a professional community*. In *Teaching: Professionalization, Development and Leadership* (pp. 215-232). Springer Netherlands.
- Breslin, T., Rowe, D., & Thornton, A. (2006). *Citizenship Education: Current State Of Play And Recommendations, Memorandum Of Submission To The Education Select Committee. Individual Engaging in Society, Citizenship foundation*.
- Clay, K. L., & Rubin, B. C. (2020). "I look deep into this stuff because it's a part of me": Toward a critically relevant civics education. *Theory & Research in Social Education*, 48(2), 161-181.
- Creswell, J. W., Klassen, A. C., Plano Clark, V. L., & Smith, K. C. (2014). *Best practices for mixed methods research in the health sciences*. National Institutes of Health, 2094- 2103.
- Folsom-Meek, S. L., & Rizzo, T. L. (2002). *Validating the physical educators' attitude toward teaching Individuals with disabilities III (PEATID III) survey for future rofessionals*. Adapted Physical Activity Quarterly, 19(2), 141-154.
- Grossman, D (2008). *Preparing Teachers for Effective Citizenship Education: What Recent Research Studie Suggest*. In C.L.Hoon, N. Mohd. Salleh, W.H. Wan Mamat, & V. Balakrishnan, (Eds). *Asia Pacific Moral, Civic and Citizenship Education: New Vision and New Realities*. University of Malaya. Kuala Lumpur.
- Haniza Mahmood. (2014). *Civics and citizenship education in Malaysia: The voice of micro policy enactors* (Doctoral dissertation). Cardiff University.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2019). Perlaksanaan Pendidikan Sivik di sekolah. Putrajaya. <https://www.moe.gov.my/en/soalan-lazim-menu/kurikulum/pelaksanaan-pendidikan-sivik-oleh-kementerian-pendidikan-malaysia>
- Kennedy, K. J., Hahn, C. L., & Lee, W. O. (2008). *Constructing citizenship: Comparing the views of students in Australia, Hong Kong, and the United States*. Comparative Education Review, 52(1), 53-91.
- Lee, W. O., & Leung, S. W. (2016). *Global citizenship education in Hong Kong and Shanghai secondary schools: Ideals, realities and expectations*. Citizenship Teaching and Learning, 2(2), 68-84.
- Lo, W. Y. (2009). *Understanding and attitudes towards moral and civic education among primary school teachers in Hong Kong*. Asian Social Science, 5(7), p3.
- Meegan, S., & MacPhail, A. (2006). *Irish physical educators' attitude toward teaching students with special educational needs*. European Physical Education Review, 12(1), 75-97. doi: 10.1177/1356336x06060213

Morley, D., Bailey, R., Tan, J., & Cooke, B. (2005). *Inclusive physical education: Teachers' views of including pupils with special educational needs and/or disabilities in physical education.* European Physical Education Review, 11(1), 84-107.

Piršl, E., Marušić-Štimac, O., Pokrajac-Buljan, A., & Ivić, S. (2005). *The attitudes of students and teachers towards civic education and human rights.* In The 8th UKFIET International Conference of Education and Development.

Smith, K. E., & Croom, L. (2000). *Multidimensional self-concepts of children and teacher beliefs about developmentally appropriate practices.* The Journal of Educational Research, 93(5), 312-321.

Smith, T. M., Desimone, L. M., & Ueno, K. (2005). *"Highly Qualified" to do what? The relationship between NCLB teacher quality mandates and the use of reform-oriented instruction in middle school mathematics.* Educational Evaluation and Policy Analysis, 27(1), 75-109. doi: 10.3102/01623737027001075

Tripp, A., & Sherrill, C. (2011). *Attitude theories of relevance to adapted physical education.* Adapted Physical Activity Quarterly

Vickerman, P. B. (2004). *The training of physical education teachers for the inculusion of children with special educational needs* (Doctoral dissertation, University of Leeds)